



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PROGRAM HOMESTAY DAN KESANNYA KE ATAS  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DESA DI NEGERI SELANGOR,  
MALAYSIA**

**YUSOF BIN ISMAIL**

**FEM 2010 8**

**PROGRAM HOMESTAY DAN KESANNYA  
KE ATAS PEMBANGUNAN KOMUNITI DESA  
DI NEGERI SELANGOR, MALAYSIA**

**YUSOF BIN ISMAIL**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2010**



**PROGRAM HOMESTAY DAN KESANNYA KE ATAS  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DESA DI NEGERI SELANGOR, MALAYSIA**

**Oleh**

**YUSOF BIN ISMAIL**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2010**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PROGRAM HOMESTAY DAN KESANNYA KE ATAS  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DESA DI NEGERI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**Yusof bin Ismail**

**Oktober 2010**

**Pengerusi : Profesor Madya Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Pembangunan komuniti adalah satu proses yang melibatkan kerjasama di antara komuniti tempatan dan kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup komuniti sama ada dari segi ekonomi, sosial dan budaya. Pembangunan komuniti di Malaysia telah bermula semenjak sebelum merdeka menerusi pelbagai program ternyata memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosio-ekonomi khususnya di kawasan luar bandar. Salah satu program yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup komuniti adalah program *homestay* iaitu sejenis percutian atau bentuk penginapan alternatif yang melibatkan pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah dan merasai sendiri cara hidup sehari-hari komuniti desa.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneliti pembangunan komuniti di kampung-kampung yang terlibat dalam program *homestay*. Lima objektif khusus kajian adalah untuk membina indikator pencapaian program *homestay* dan indikator pencapaian pembangunan komuniti; untuk mengukur tahap pencapaian

program *homestay*; untuk mengukur tahap pencapaian pembangunan komuniti; untuk menentukan perkaitan antara profil kampung, peranan pemimpin dan penggunaan sumber dengan pencapaian program *homestay* dan pencapaian pembangunan komuniti; dan untuk menentukan pengaruh profil kampung, peranan pemimpin dan penggunaan sumber kepada pencapaian program *homestay* dan pencapaian pembangunan komuniti.

Tiga kaedah kajian digunakan untuk menjawab objektif kajian di atas, iaitu: (1) analisis kandungan bagi membentuk indikator pencapaian program *homestay*; (2) pandangan 31 orang pakar pembangunan komuniti di Malaysia bagi membentuk indikator pencapaian pembangunan komuniti; dan (3) survei menggunakan teknik temuduga bersemuka menerusi borang soal selidik. Kawasan kajian adalah kesemua 14 buah kampung *homestay* di negeri Selangor yang melibatkan sampel kajian seramai 400 orang responden yang terdiri daripada pengusaha *homestay* dan penduduk kampung. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian program SPSS. Aplikasi yang digunakan adalah analisis diskriptif, ujian korelasi dan regresi pelbagai.

Dapatan kajian telah berjaya membentuk dua indikator iaitu indikator pencapaian program *homestay* dan indikator pencapaian pembangunan komuniti, masing-masing digunakan untuk mengukur tahap pencapaian program *homestay* dan tahap pencapaian pembangunan komuniti. Secara umumnya, tahap pencapaian program *homestay* di kalangan penduduk yang terlibat adalah sederhana di mana pencapaian bagi tiga dimensi utama iaitu keusahawanan, perubahan

minda dan sikap serta pendayaupayaan adalah tinggi, manakala bagi dua dimensi iaitu kedatangan pelancong dan pendapatan adalah rendah. Begitu juga dengan pembangunan komuniti di kampung *homestay*, tahap pencapaian keseluruhannya adalah sederhana di mana pencapaian bagi empat dimensi utama iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar dan institusi adalah tinggi, manakala pencapaian dimensi teknologi adalah sederhana.

Analisis korelasi menunjukkan pencapaian program *homestay* mempunyai perkaitan yang amat kuat dengan pencapaian pembangunan komuniti. Selain daripada itu, analisis korelasi menunjukkan profil kampung mempunyai perkaitan yang lemah dengan pencapaian program *homestay* dan pembangunan komuniti, manakala peranan pemimpin dan penggunaan sumber mempunyai perkaitan yang amat kuat dengan pencapaian program *homestay* dan pembangunan komuniti. Analisis regresi pula menunjukkan profil kampung kurang berpengaruh kepada pencapaian program *homestay* dan pembangunan komuniti, manakala peranan pemimpin dan penggunaan sumber mempunyai pengaruh yang signifikan dan menyumbang kepada pencapaian program *homestay* dan pembangunan komuniti. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan program *homestay* dapat meningkatkan tahap pencapaian pembangunan komuniti, namun masih terdapat beberapa kekurangan sama ada di peringkat perancangan mahupun di peringkat pelaksanaan. Justeru, kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan ke arah mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan program sebagai pemangkin pembangunan komuniti di kampung *homestay*.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**HOMESTAY PROGRAMME AND ITS IMPACT ON RURAL COMMUNITY DEVELOPMENT IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

**Yusof bin Ismail**

**October 2010**

**Chairman : Associate Professor Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**

**Faculty : Human Ecology**

Community development is a process involving a co-operation between the local community and the government to improve the community's standard of living economically, socially and culturally. Community development in Malaysia was initiated since pre-independence through numerous programmes that has contributed significantly to the socio-economic development particularly in the rural areas. One of the programmes introduced by the government to enhance the community's standard of living is the homestay programme entailing a type of holiday or an alternative form of accommodation for the tourists to stay together with a host family and experience for themselves the rural community's way of life.

The main objective of this research is to examine community development in the villages involved with the homestay programme. The five specific objectives of the study are to form a homestay programme achievement indicator and community development achievement indicator; to measure the level of

achievement for the homestay programme; to measure the community development's achievement level; to determine the association between the village's profile, leader's role and resource utilization with the homestay programme and community development; and to determine the influence of the village's profile, leader's role and resource utilization in contributing to the achievement levels of the homestay programme and community development.

Three research methods were employed to fulfill the objectives above, namely (1) content analysis to form an indicator of homestay achievement; (2) opinions from 31 Malaysian community development experts to form a community development achievement indicator; and (3) survey through face to face interview using questionnaires. The research area encompasses all 14 homestay villages in the state of Selangor involving a research sample of 400 respondents which includes homestay operators and villagers. The data obtained from the questionnaires were analysed with computer-aided software, the SPSS programme. The applications used were descriptive analysis, correlation test and multiple regressions.

From the research, two indicators were established, namely the homestay programme indicator and community development indicator, each used to measure the level of achievement for the homestay programme and the achievement level of the community development. In general, the achievement level of the homestay programme among the residents are moderate which shows high level of achievement in three main dimensions namely

entrepreneurship, change of mindset and attitude as well as empowerment, whereas the dimensions involving tourists' arrival and income recorded low achievements. Likewise, community development in the homestay villages saw moderate levels of achievement which shows high level of achievement from the four main dimensions namely economical, social, environmental and institutional, whereas the level of technological dimension remains within the moderately-developed category.

The correlation analysis shows that the achievement of the homestay programme relates significantly to the community development's achievement. In addition, the analysis shows that the village profile has low correlation with homestay programme's achievement and the development of the community, whereas leadership role and resource utilization are significantly associated with the homestay programme's achievement and the development of the community. Regression analysis also shows that the village profile not contribute to the achievement of homestay programme and community development, whereas leadership role and resource utilization are significantly influence and contribute to the achievement of the homestay programme and community development. Overall the research results show that the implementation of homestay programme is able to increase the community development's achievement level although there remains some inadequacies in either the planning or implementation stage. Hence, the study also puts forth some suggestions towards improving the effectiveness of the programme's implementation as a catalyst for community development in homestay villages.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan dengan limpah kurnia Allah swt dapat saya menyiapkan pengajian ini. Sesungguhnya anugerah dan nikmat ini amat berharga, mudahan berkekalan sepanjang masa.

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengurus Jawatankuasa Penyelia, Prof. Madya Dr. Asnarulkhadi Abu Samah di atas bimbingan, dorongan, nasihat, komen dan perkongsian maklumat serta pengalaman. Beliau telah membantu dari peringkat awal pengajian sehingga ke penghujungnya dengan penuh minat, semangat dan iltizam. Begitu juga setinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Penyelia, Prof. Dr. Jariah Masud, Dr. Ma'rof Redzuan dan Dr. Hanina Halimatusaadiah Hamsan di atas panduan, tunjuk ajar, nasihat dan pandangan yang berharga sepanjang tempoh pengajian. Pengalaman proses pembelajaran yang diperolehi menerusi Jawatankuasa Penyelia ini mengajar saya erti keyakinan diri yang perlu disusuli dengan usaha gigih, penuh minat dan *smart* bagi mencapai sesuatu kejayaan. Tidak ketinggalan kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Ekologi Manusia dan Sekolah Pengajian Siswazah yang turut memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan pengajian ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua saudara mara dan sahabat handai yang banyak menyokong dan membantu bagi menyiapkan tesis ini khususnya Dr. Ibrahim bin Mohamed Zin, Ms Florence Toh, Ahmad

Fakhrulrazy, Allahyarham Cikgu Hassan sekeluarga dan Penghulu Hj Ismail Mat Sam sekeluarga. Penghargaan juga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang meluluskan cuti belajar dan Hadiah Latihan Persekutuan untuk pengajian ini.

Penghargaan juga kepada keluarga yang disayangi, khususnya buat isteri tercinta Majdah bt Abdul Rashid yang sentiasa berada disisi dengan penuh sabar, memahami dan tidak henti-henti berdoa. Kepada lima anak-anak iaitu Atikah, Ihsan, Aisyah, Adilah dan Anis Liyana, kasih sayang dan kesabaran anda semua sentiasa menjadi sumber inspirasi dalam perjuangan ini. Akhirnya, dengan penuh ingatan saya abadikan penghargaan ini buat kedua-dua arwah ibu dan ayah serta bapa mertua dengan iringan doa semoga sejahtera di alam sana bersama-sama dengan orang-orang yang berjaya, amin.

Saya bertanggungjawab sepenuhnya di atas segala kesilapan dan kekurangan yang terdapat dalam tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 Oktober 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Yusof bin Ismail bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Program Homestay Dan Kesannya Ke Atas Pembangunan Komuniti Desa Di Negeri Selangor, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Jayum Anak Jawan, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Zahid Emby, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Kalsom Kayat, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar

Universiti Utara Malaysia

(Pemeriksa Luar)

---

**SHAMSUDIN SULAIMAN, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 18 Februari 2011

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ma'ruf Redzuan, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Hanina Halimatusaadiah Hamsan, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PENGAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**YUSOF BIN ISMAIL**

Tarikh: 21 Oktober 2010

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>PENGHARGAAN</b>	ix
<b>PENGESAHAN</b>	xi
<b>PENGAKUAN</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SINGKATAN</b>	xix

## BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	7
1.3 Persoalan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Definisi Istilah	16
1.7 Skop Kajian	27
1.8 Perspektif Teoritikal	27
1.9 Kerangka Kajian	38
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	43
2.2 Konsep Pembangunan dan Perkembangannya	43
2.3 Pembangunan dan Pembangunan Komuniti	47
2.4 Pembangunan Komuniti	51
2.4.1 Pendekatan Pembangunan Komuniti	54
2.4.2 Prinsip Pembangunan komuniti	57
2.5 Pelancongan dan Pembangunan Komuniti	64
2.6 Program <i>Homestay</i>	67
2.7 Pengukuran Pencapaian Pelancongan Komuniti dan Pencapaian Pembangunan Komuniti	74
2.7.1 Pengukuran Pencapaian Pelancongan Komuniti	75
2.7.2 Pengukuran Pencapaian Pembangunan Komuniti	91
2.8 Perhubungan Antara Program <i>Homestay</i> Dengan Pembangunan Komuniti	96
2.9 Faktor Mempengaruhi Pencapaian Program <i>Homestay</i>	99
2.10 Rumusan Bab	122

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	123
3.2	Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian	123
3.3	Kawasan Kajian	125
3.4	Teknik Persampelan dan Responden	126
3.5	Instrumen dan Pengukuran	130
3.5.1	Borang Soal Selidik	130
3.5.2	Analisis Kandungan	134
3.5.3	Pandangan Kumpulan Pakar	135
3.6	Kajian Rintis	136
3.7	Proses Pengumpulan Data	137
3.8	Penganalisaan Data	141
3.9	Rumusan Bab	147
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	149
4.2	Indikator Pencapaian Program <i>Homestay</i>	149
4.3	Indikator Pencapaian Pembangunan Komuniti	155
4.4	Penemuan Kajian Soal Selidik	164
4.4.1	Profil Responden	165
4.4.2	Bentuk Penglibatan Responden	167
4.4.3	Mengukur Tahap Pencapaian Program <i>Homestay</i>	169
4.4.4	Mengukur Tahap Pencapaian Pembangunan Komuniti	176
4.4.5	Perkaitan Antara Input Komuniti Dengan Pencapaian Program <i>Homestay</i> dan Pencapaian Pembangunan Komuniti	184
4.4.6	Perkaitan Antara Tahap Pencapaian Program <i>Homestay</i> Dengan Tahap Pencapaian Pembangunan Komuniti	197
4.4.7	Pengaruh Input Komuniti Kepada Pencapaian Program <i>Homestay</i> Dan Pencapaian Pembangunan Komuniti	202
4.5	Rumusan Bab	210
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	214
5.2	Ringkasan	214
5.3	Kesimpulan	218
5.4	Implikasi	226
5.5	Cadangan	231
<b>RUJUKAN</b>		240
<b>LAMPIRAN</b>		261
<b>BIODATA PELAJAR</b>		302